

|       |   |                      |  |
|-------|---|----------------------|--|
| MP    | BAHASA MELAYU TAHUN 6   | TARIKH<br>NAMA MURID |  |
| TAJUK | Venu yang berjasa   |                      |  |
| SK    | 4.2 Mengujarkan bahas yang indah dan menggunakan bahasa badan secara kreatif semasa bercerita secara didik hibur.                       |                      |  |
| SP    | 4.2.2 Mengujarkan cerita menggunakan bahasa yang indah dan ayat yang gramatis untuk menyampaikan idea dengan bahasa badan yang kreatif. |                      |  |



Video PDPC :  
<https://bit.ly/3lCuxoA>  
 MUKA SURAT : 100

- Menonton video dalam link di atas.
- Baca dan memahami surat di muka surat 100
- Sila susun petikan mengikut urutan yang betul.
- Hantar gambar melalui telegram.

Mu jurlah, tuan aku tidak mati akal. Dia segera meniup aku. Ular itu menari mengikut alunan muzik. Tuan aku menarik nafas lega melihat ular itu berlalu pergi. Dia mengucapkan terima kasih kepadaku. Dia berasa terhutang nyawa kepadaku.

Tuan aku bernama Vishan. Tuan aku bekerja sebagai pengembala lembu. Setiap hari, tuan aku akan membawaku ke padang ragut. Tuan aku meniupku untuk menghilangkan kebosanannya.

Pada suatu hari, tuan aku tertidur kerana keletihan. Apabila terjaga dia ternampak seekor ular tedung sedang berdesis di hujung kakinya. Tuan aku berasa takut. Dia mahu melarikan diri tetapi tidak sempat.

Aku sebatang venu. Badanku lurus dan berwarna kuning-kuningan. Badanku ada lubang-lubang kecil. Apabila aku ditiup, aku mengeluarkan bunyi yang mendayu-dayu.

